



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## PEMBAYAR CUKAI SYARIKAT WAJIB MENGEMUKAKAN BORANG CP204 DAN CP204A TAHUN TAKSIRAN 2018 SECARA E-FILING

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa mengikut peruntukan subseksyen 107C(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), setiap pembayar cukai **syarikat** adalah **diwajibkan** untuk mengemukakan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204) dan Pindaan Anggaran (Borang CP204A) bagi **Tahun Taksiran 2018 dan seterusnya secara e-Filing.**

Justeru, pengemukaan Borang CP204 dan CP204A secara manual (borang **kertas**) jika dilakukan oleh syarikat adalah **DIANGGAP TIDAK DITERIMA** bagi maksud di bawah subseksyen 107C(1A) ACP 1967.

Sesebuah syarikat hendaklah mengemukakan Borang CP204 kepada LHDNM tidak kurang daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

Kegagalan syarikat untuk mematuhi peruntukan undang-undang tersebut merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP 1967 dan boleh dikenakan suatu denda tidak kurang RM200.00 dan tidak lebih RM20,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 019-337 9657 (Norhanadia) / 019-222 0034 (Masrun)

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 27 Mac 2017**